

01/04/1997

Anugerah untuk semua: PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan pelbagai anugerah antarabangsa yang diterimanya sebagai pengiktirafan dunia kepada kemampuan pemimpin, penyokong kerajaan, pembangkang dan rakyat dalam membangunkan Malaysia.

Perdana Menteri mahu berkongsi kejayaannya dengan rakyat yang disifatkannya mudah dipimpin serta menerima sebarang perubahan yang positif.

Menurutnya, kelebihan itu tidak dimiliki negara lain sehingga pemimpin mereka yang mempunyai kebolehan sama atau lebih baik daripada beliau tidak dapat berbuat apa-apa kerana negara tidak stabil.

"Di Malaysia, kita tidak ada rusuhan besar yang mengancam keselamatan negara, malah pembangkang menyuarakan pendapat mereka secara aman, begitu juga pertubuhan bukan kerajaan dan kesatuan sekerja.

"Dalam kempen pilihan raya misalnya, pembangkang dan kerajaan sama-sama berkempen dan adakalanya kita membuat dakwaan sesama sendiri tetapi ia tidak menyebabkan rusuhan atau kacau-bilau.

"Begitu juga dengan kesatuan sekerja seperti Cuepacs, mereka menerima pendapat kerajaan dan apabila berunding, kita berunding dengan aman. Inilah cara kita yang unik serta mencarum kepada kejayaan hari ini," katanya ketika berucap di majlis makan malam sempena penerimaan Anugerah Raja Faisal dan Anugerah Jawaharlal Nehru di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, malam ini.

Majlis yang dianjurkan oleh Kabinet itu turut dihadiri isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail; Menteri Kabinet; Menteri Besar; dan Ketua Menteri; Duta Besar asing ke negara ini; wakil parti pembangkang dan pegawai kanan kerajaan.

(END)